

27/01/1997

Pengarah Hutan cuti panjang

KOTA KINABALU, Ahad - Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah, Awang Tengah Awang Ali, dilaporkan bercuti panjang dipercayai berikutan kegagalannya melaksana arahan tertentu berhubung penahanan kapal kargo yang menyeludup balak bernilai RM6 juta di Teluk Wallace, Pulau Sebatik di Tawau, baru-baru ini.

Akhbar tempatan Daily Express hari ini melaporkan Awang Tengah bercuti selama sebulan, bermula Khamis lalu (23 Januari).

Menurut akhbar itu, Awang Tengah sebelum ini bercuti selama sebulan sejak 17 Disember lalu dan kembali bertugas selepas kejadian rampasan balak oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Tawau, 17 Januari lalu.

"Bagaimanapun, Awang Tengah diarahkan bercuti semula selama sebulan mulai 23 Januari lalu, ketika siasatan balak dijalankan oleh jawatankuasa khas yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh," lapor akhbar itu.

Menurut akhbar itu, kejadian mengenai penyeludupan balak bernilai RM6 juta membabitkan royalti sebanyak RM3 juta yang tidak dibayar kepada kerajaan, berlaku ketika sewaktu Awang Tengah bercuti.

Laporan itu menyebut, Awang Tengah dikatakan gagal melaksanakan beberapa arahan yang ditentukan oleh kerajaan dan perundangan negeri, berikutan rampasan itu.

Jawatankuasa khas yang dibentuk Kabinet negeri bagi menyiasat penyeludupan balak itu akan menyerahkan laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur, esok.

Siasatan juga dilakukan untuk mengenal pasti kejadian berkenaan boleh dikaitkan dengan kesalahan jenayah atau penyalahgunaan kuasa dan melanggar undang-undang negeri.

Ghapur yang mempengerusikan jawatankuasa itu turut mencadangkan kaedah terbaik bagi mengatasi dan mengawal industri balak di negeri ini supaya kejadian berkenaan tidak berulang.

Turut menganggotai jawatan kuasa itu ialah Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Pandikar Amin Mulia; Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Maizan Shaari; Peguam Besar Negeri, Datuk Stephen Foo; Setiausaha Hasil Bumi, Datuk Willian Shim; wakil Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB); Jabatan Perhutanan dan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

(END)